



# Asas didikan agama tidak cukup

*Youth - Psychology*  
*p: 24-25*

**"A**PABILA golongan remaja boleh melakukan sesuatu tindakan yang pelik, dia rasa perbuatan itu adalah satu kepuasan dalam dirinya. Tidak ada perasaan takut pada Allah dan dalam masa yang sama tidak menjaga kewajipan terhadap Allah seperti sembahyang. Semakin jauh daripada perasaan takut pada Allah, semakin berani tindakan anak-anak ini untuk melakukan perkara yang tidak sepatutnya mereka lakukan di alam remaja. Sebab itulah perbuatan samseng di kalangan pelajar semakin menjadi-jadi. Perbuatan samseng ini termasuklah dalam salah satu bentuk keruntuhan akhlak di kalangan remaja," kata Ustaz Ahmad Shukri Yusoff, Ketua Unit Syariah & Penerangan Khas, Pusat Pungutan Zakat, Wilayah Persekutuan.

Malah, jelas Ustaz Shukri lagi, masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja ini pernah dikhuatiri akan berlaku oleh junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. semasa hayatnya. Melalui hadis riwayat Abu Humamah, Nabi bersabda yang bermaksud akan berlaku di akhir zaman tiga perkara iaitu jika wanita melampaui batas, remaja atau orang muda yang rosak dan mereka yang meninggalkan jihad demi menegakkan agama Allah.

"Kemudian salah seorang sahabat Nabi ada meminta kepastian sama ada masalah ini akan berlaku. Nabi menjelaskan bahawa perkara yang lebih dahsyat daripada itu pun akan berlaku kelak. Iaitu apabila manusia tidak menyuruh perkara maaruf dan mencegah perkara mungkar. Bahkan pada satu peringkat tidak ada yang menegur sesuatu yang mungkar dan dalam konteks isu ini samseng adalah salah satu perkara mungkar," jelas beliau lagi.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini bahawa perasaan takut pada Allah semakin kurang sehingga mendorong anak-anak remaja terjebak dalam budaya samseng. Memang benar ibu bapa ada memberi didikan agama pada anak-anak mereka tetapi adakah didikan itu mencukupi dan diberi secara menyeluruh.

Sesetengah ibu bapa memberi didikan agama yang asas pada anak-anak mereka seperti sembahyang, puasa, dapat membezakan halal dan haram dan sebagainya. Namun adakah anak-anak ini benar-benar menghayati sembahyangnya itu dan adakah amalan ini dilakukan secara menyeluruh.

Jelas Ustaz Shukri, pelajar yang terlibat dengan masalah pergaduhan di sekolah, mencederakan rakan-rakan dan ada kes lebih teruk lagi membunuh, sebenarnya mereka kurang didikan agama. Mereka hanya mendapat didikan asas semata-mata sedangkan ilmu pendidikan itu masih tidak mencukupi.

"Melihat pada senario yang berlaku hari ini, seakan-akan anak-anak remaja ini masih lemah dalam menghayati Islam yang sebenarnya. Tidak dinafikan mereka sembahyang serta melakukan amalan lain tetapi tidak menyeluruh seperti mana cara hidup serta nilai kehidupan



orang Islam yang lain. Walaupun pelajar itu tinggal di asrama sekalipun dan mereka terikat dengan peraturan di sekolah tetapi jika iman dan amalan masih lemah dan kurang, mereka tidak takut untuk melanggar disiplin.

"Sebab itulah pengaruh budaya Barat mudah menyerap masuk. Kita bukannya mahu menyekat kebebasan mereka untuk menikmati kemudahan yang ada melalui teknologi, menonton filem dari luar negara tetapi ada sesetengahnya yang menyalahgunakan kemudahan tersebut. Sedikit sebanyak ada yang terpengaruh dan naluri remaja biasanya mereka masih keliru dengan percaturan hidup, jika berlaku masalah yang mengganggu perasaan, mereka tidak dapat berfikir secara rasional tentang sebarang tindakan yang dilakukannya," ujar Ustaz Shukri.

Mengulas lebih lanjut lagi mengenai punca pelajar samseng, beliau berkata pengaruh budaya Barat turut dikaitkan dengan media massa. Walaupun tidak semua pemaparan itu berbentuk negatif tetapi apabila ada unsur-unsur tersebut (seperti keganasan dan perang) tidak mustahil mereka akan terpengaruh.

Tambahnya lagi ibu bapa perlu melihat dan mengawasi dengan siapa anak-anak berkawan dan tempat-tempat yang biasa dikunjungi oleh anak-anak remaja ini. Ini kerana pengaruh rakan sebaya mampu membawa pelajar ini melakukan perkara yang di luar batasan agama dan akhlak.

"Jika kita tanya pelajar yang terlibat dengan masalah akhlak inimeraka sendiri mengaku tidak terlintas di fikiran mereka untuk melakukannya tetapi disebabkan termakan dengan pujukan rakan, maka perasaan takut dan bersalah hilang sama sekali. Sesetengahnya dipaksa untuk melakukan perbuatan tersebut dan jika tidak melakukannya mereka akan didenda atau diugut. Jika mereka dapat melakukannya mereka akan merasa puas dan masalah ini juga dikaitkan dengan diri mereka sendiri. Perasaan ego dan megah dengan diri sendiri sememangnya sebahagian daripada sikap remaja," katanya.

Menjelaskan tentang disiplin di sekolah, beliau berkata peraturan itu hanya sebahagian daripada proses pendidikan sahaja. Ibu bapa tidak seharusnya meletakkan tanggungjawab mendidik anak-anak terhadap pihak sekolah semata-mata. Ini kerana pendidikan yang diberikan di sekolah lebih berteraskan sudut pembelajaran dan peperiksaan. Justeru penerapan nilai-nilai murni serta



akhlak masih belum mendalam dan dalam hal ini ibu bapa sendiri harus bijak menjalankan tanggungjawabnya. Pelajar juga lebih banyak menghabiskan masa di luar waktu persekolahan sama ada di rumah ataupun bersama dengan rakan-rakan. Jadi ruang untuk ibu bapa menghabiskan masa mereka dengan anak-anak lebih banyak berbanding dengan guru mereka sendiri.

Remaja atau pelajar yang bermasalah sukar untuk meluahkan masalah mereka sendiri. Lebih suka memendam perasaan tersebut sehingga pada satu tahap dia akan melepaskannya dalam bentuk kekerasan. Mereka sudah lari daripada konsep sabar sedangkan inilah yang dituntut dalam Islam. Setiap masalah ada jalan penyelesaiannya.

"Kembalilah pada agama, saya percaya jika penyerapannya dilakukan secara menyeluruh, sekurang-kurangnya remaja atau pelajar mampu mempertahankan diri mereka daripada terjebak dengan keruntuhan akhlak ini.

"Ingin saya tekankan di sini agar pelajar jangan sesekali mengabaikan sembahyang. Seperti mana yang ditekankan sebelum ini, khusyuk dalam sembahyang itu ialah takut kepada Allah. Untuk menimbulkan rasa takut kepada Allah kita perlulah melakukan sesuatu yang wajib.

"Dalam masa yang sama orang yang berpegang pada agama ada rasa hormat pada ibu bapa, guru dan rakan-rakan. Konsep ini juga termasuk dalam salah satu pendidikan agama. Tanamkan konsep 'ihsan' iaitu abdikan diri pada Allah seolah-olah Allah melihat kita," tambahnya lebih lanjut lagi.

Menurut Ustaz Shukri, masalah pelajar samseng haruslah diperhalusi dengan

Dalam **Islam** ada konsep pencegahan **sebelum menjatuhkan hukuman**. Misalnya ada **pelajar** yang **menerima** hukuman dibuang sekolah. **Hukuman ini adalah** salah satu pencegahan **bagi** mengelak **sesuatu** yang tidak diinginkan akan **berulang** dan merebak kepada **pelajar lain dan** mengganggu keharmonian **sekolah**

sebaik-baiknya. Bukan saja oleh ibu bapa atau pihak sekolah malah institusi agama sendiri perlu bergerak bersama-sama dengan pihak kerajaan, persatuan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu golongan muda ini. Masalah ini bukan saja melibatkan komuniti dalam masyarakat tetapi melibatkan umat Islam keseluruhannya.

Dalam Islam ada konsep pencegahan sebelum menjatuhkan hukuman. Misalnya ada pelajar yang menerima hukuman dibuang sekolah. Hukuman ini adalah salah satu pencegahan bagi mengelak sesuatu yang tidak diinginkan akan berulang dan merebak kepada pelajar lain dan mengganggu keharmonian sekolah.

Masyarakat tidak boleh terlalu menghentam pelajar yang bersalah tadi. Mereka masih muda, masih banyak masa untuk membuatkan kesilapan yang pernah dilakukan. Semasa zaman keagungan Rasulullah, golongan belia terlibat dalam peperangan kerana selain mempunyai kelebihan dan kekuatan fizikal mereka juga bijak dalam membuat keputusan. Justeru, jika mereka mengabaikan keistimewaan ini, pastinya masa depan golongan ini akan malap. Manakala ibu bapa haruslah menerima anak-anak yang ingin berubah agar dapat memberi peluang kedua pada mereka.

"Asumhlah anak-anak dengan penerapan keagamaan semenjak kecil lagi. Biar mereka kefahaman tentang tanggungjawab kita sebagai umat Islam. Insya-Allah mereka tidak berani dan takut untuk melakukannya," ujarnya. W